

**301,653 pemilih baru didaftar
Malaysiakini.com
September 13, 2010**

Parti-parti politik bersaing dalam pendaftaran pemilih baru, dengan lebih separuh daripada 301,653 pemilih baru didaftarkan melalui saluran parti sejak awal tahun hingga Jun lalu.

Sebanyak 56 peratus atau sejumlah 169,850 pemilih baru didaftar oleh penolong pendaftar daripada kalangan wakil parti politik, kata pengerusi jawatankuasa panel pendaftaran dan penyediaan daftar pemilih, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Zainal Abidin Mat Said.

Daripada jumlah itu, DAP mencatat pendaftaran pemilih paling tinggi iaitu 55,321 orang, diikuti oleh Umno dengan 54,872 pemilih didaftar manakala PAS dan PKR masing-masing mendaftarkan 38,618 dan 13,098 pemilih.

Katanya penolong pendaftar daripada wakil parti politik dibayar RM1 bagi setiap pendaftaran.

Zainal Abidin berkata selain melalui saluran parti politik, pendaftaran pemilih luar pejabat dan program outreach yang dijalankan oleh SPR berjaya mendaftarkan 72,434 pemilih baru dan 24,663 penukaran alamat bagi tempoh yang sama.

Pada masa yang sama, kaunter pejabat pos turut menjadi pilihan orang ramai mendaftarkan sebagai pemilih apabila ia mencatatkan 37,142 pendaftaran baru dan 11,903 penukaran alamat.

Zainal Abidin berkata sejumlah 345,261 pendaftaran pemilih dicatat dari Jan hingga Jun lalu, dengan 301,653 pemilih baru dan 43,608 penukaran alamat.

Daripada jumlah itu, Johor merupakan negeri yang mencatat pendaftaran paling tinggi iaitu 56,663 orang, diikuti Selangor (46,764 orang) dan Pulau Pinang (36,841 orang).

- Bernama